


BULETIN USR 2022 | ISU 1

APA HABA Q HANGPA?



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

Bengkel dan Pertandingan Doktor Muda Peringkat Daerah Seberang Perai Utara



oleh Nurhayati binti Hassan & Nurshazana Akmal binti Jamaludin



Bengkel dan Pertandingan Doktor Muda Peringkat Seberang Perai Utara julung kalinya telah dilaksanakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.

Program yang berlangsung pada 30 November 2022 ini melibatkan penyertaan 70 murid-murid dan guru daripada lima buah sekolah iaitu SK Bertam Perdana, SK Pinang Tunggal, SK Sungai Dua, SK Bagan Jermal dan SK

Permatang Bertam. Murid-murid yang menyertai program ini adalah murid tahun 5 dan 6 yang menjadi ahli Kelab Doktor Muda sekolah masing-masing.

Program ini merupakan antara program pembudayaan ilmu, perkongsian pengetahuan dan jaringan komuniti yang dianjurkan oleh PTAR, program Fisioterapi, program Kejururawatan UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam dengan kerjasama SK Bertam Perdana.

Seramai 60 AJK dan fasilitator telah terlibat bagi menjayakannya.

Program selama 4 jam ini telah diisi dengan pelbagai pengisian aktiviti yang menarik secara teori dan amali. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti rawatan kecemasan dengan pendedahan terhadap kaedah CPR serta pendedahan amalan kesihatan kepada murid-murid sekolah yang menyertai Kelab Doktor Muda.



Seterusnya mereka akan menjalani Pertandingan Asas Pertolongan Cemas bagi menguji tahap kefahaman apa yang dipelajari semasa bengkel.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Amir Heberd bin Abdullah, Penolong Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam. Turut hadir semasa sesi perasmian ini ialah Penolong Kanan Kokurikulum SK Bertam Perdana iaitu Cikgu Rafizah binti Abdul Rahman.

Penolong Rektor turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Asas Pertolongan Cemas iaitu murid-murid SK Bertam Perdana.

Program ini turut bekerjasama dengan MPKK Kubang Menerong yang diketuai En Abdullah dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dan Pusat Khidmat Adun Pinang Tunggal yang membantu mengenalpasti surirumah dan wanita yang terdiri dari golongan asnaf.

Pelaksanaan program ini diharap dapat membantu murid - murid ini sebagai ahli Kelab Doktor Muda yang bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan pengetahuan, sikap dan amalan kesihatan yang positif serta menjadi *role model* kesihatan kepada rakan-rakan di sekolah.

Program ini juga secara tidak langsung mewujudkan semangat kerja berpasukan dan mengeratkan jaringan kerjasama antara pihak UiTM dan pihak sekolah yang terlibat.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti rawatan kecemasan dengan pendedahan terhadap kaedah CPR serta pendedahan amalan kesihatan kepada murid-murid sekolah yang menyertai Kelab Doktor Muda.